A

Pendakwa Raya lwn Mohd Adha bin Ismail

B MAHKAMAH TINGGI (KLANG) — RAYUAN JENAYAH NO BA-42H-40–03 TAHUN 2018
MEOR HASHIMI PK
3 SEPTEMBER 2018

C *Undang-Undang Jenayah — Rayuan — Rayuan terhadap hukuman — OKT dituduh merompak dan dengan sengaja menyebabkan kecederaan di bawah s 394 Kanun Keseksaan — OKT mengaku bersalah — Mahkamah rendah menjatuhkan hukuman penjara tiga tahun dan empat sebatan — Sama ada terdapat kekhilafan fakta dan undang-undang — Sama ada kepentingan awam*
D *diberi pertimbangan secukupnya — Sama ada hukuman terlalu ringan atau tidak mencukupi — Sama ada responden mempunyai apa-apa pembelaan yang kukuh terhadap pertuduhan pindaan — Kanun Keseksaan s 394*

E Ini adalah rayuan pendakwa raya ('perayu') terhadap keputusan hakim mahkamah sesyen, Kuala Kubu Bharu, Selangor ('HMS') yang bijaksana pada 26 Februari 2018 bagi suatu kesalahan di bawah s 394 Kanun Keseksaan terhadap responden. Pada 13 Julai 2017 lebih kurang 8.50 malam ketika Simon Lee Chin Soon ('pengadu') di dalam kedai tembikar Kim Teng Trading
F Sdn Bhd di No 6 Jalan Pedoman, Jalan 25/88, Seksyen 25, Shah Alam bersama-sama dua orang pekerja Bangladesh bernama Shaheen Sheikh dan Uzzal Khan, telah datang ke arah pengadu dua orang lelaki Melayu dengan memegang senjata seperti batang paip besi dan seorang lagi lelaki Melayu ('OKT') telah merampas smartphone serta dompet dan menumbuk Shaheen
G Sheikh. Pengadu menjerit meminta pertolongan dan membantu pekerjanya. Semasa pergelutan tersebut, pengadu telah dipukul berulang kali dengan batang paip besi dan dua lelaki Melayu telah berjaya melarikan diri. Seorang lelaki bernama Mohd Adam Sangaran bin Govindasamy sedang menutup kedai miliknya telah terdengar bunyi bising dan jeritan meminta pertolongan
H dan bergegas ke tempat kejadian bersama dua orang rakannya untuk membantu. Selepas OKT ditangkap, Mohd Adam menelefon 999 untuk bantuan dan OKT diserahkan kepada pihak polis. Responden telah mengaku bersalah bagi pertuduhan pindaan yang dihadapkan ke atasnya dan telah dijatuhkan hukuman penjara tiga tahun dari tarikh tangkap dan empat
I sebatan. Perayu merayu terhadap hukuman sahaja.

Diputuskan, membenarkan rayuan; mengenepikan hukuman mahkamah rendah; dan menggantikannya dengan hukuman penjara enam tahun dan lima sebatan:

(1) HMS yang bijaksana telah terkhilaf dan tidak memberi pertimbangan yang secukupnya kepada aspek kepentingan awam semasa menjatuhkan hukuman terhadap responden. HMS yang bijaksana juga telah terkhilaf dalam mengguna pakai prinsip penghukuman kerana tidak memberi keutamaan yang sewajarnya kepada aspek kepentingan awam. HMS yang bijaksana tidak memberi pertimbangan yang secukupnya kepada keterangan yang menunjukkan kecederaan kepada mangsa dan pekerja mangsa yang telah dikemukakan oleh pihak perayu semasa prosiding di mahkamah sesyen. Selain itu, HMS yang bijaksana tidak memberi pertimbangan yang secukupnya kepada keterangan mangsa melalui victim's impact statement di bawah s 183A Kanun Tatacara Jenayah semasa prosiding di mahkamah sesyen (lihat perenggan 21, 23 & 25–26).

(2) Hukuman yang dijatuhkan oleh HMS yang bijaksana adalah terlalu ringan atau tidak mencukupi dan tidak mengambil kira fakta dan keadaan dalam kes ini. Hukuman yang dijatuhkan oleh HMS yang bijaksana juga tidak mengambilkira prinsip hukuman yang bersifat pencegahan terhadap kesalahan yang dilakukan oleh responden dan juga tidak mencerminkan ketegasan mahkamah dalam membanteras jenayah rompakan dan memberikan amaran yang keras kepada masyarakat mengenai hukuman berat yang bakal dikenakan oleh mahkamah kepada pesalah (lihat perenggan 33 & 36).

(3) Semasa menjatuhkan hukuman terhadap responden, HMS yang bijaksana terlalu menitikberatkan pengakuan bersalah responden dan tidak menimbangkan dengan secukupnya aspek kepentingan awam. Pengakuan bersalah responden boleh dipertimbangkan oleh HMS yang bijaksana, tertakluk kepada lain-lain fakta dan keadaan yang relevan yang wujud dalam kes ini. Responden tidak mempunyai apa-apa pembelaan yang kukuh kepada pertuduhan pindaan yang dihadapkan ke atasnya. Pembelaan responden adalah terhad kepada pengakuan bersalahnya sahaja. Natijahnya, pengakuan bersalah responden tidak merupakan faktor mitigasi yang boleh meringankan hukuman yang dijatuhkan ke atasnya (lihat perenggan 39–40 & 43).

(4) Kepentingan awam memerlukan hukuman yang berbentuk pencegahan dijatuhkan oleh HMS yang bijaksana, lebih-lebih lagi, kesalahan yang dilakukan oleh responden ialah kesalahan yang serius dan batang paip besi telah digunakan sebagai senjata dan menyebabkan kecederaan kepada mangsa dan pekerja mangsa semasa berlaku rompakan. Apabila tempoh pemenjaraan yang tidak terlalu lama dijatuhkan oleh HMS yang bijaksana, responden akan berjumpa kembali dengan rakannya dan mengulangi perbuatan jenayahnya (lihat perenggan 45–46).

(5) HMS yang bijaksana telah terkhilaf dalam menjatuhkan hukuman yang terlalu ringan atau tidak mencukupi (*manifestly inadequate*) bagi

kesalahan yang telah dilakukan oleh responden. Hukuman yang berbentuk pencegahan, dengan mengutamakan kepentingan awam, hendaklah dijatuhkan oleh HMS yang bijaksana terhadap responden dalam kes ini. Memandangkan berlakunya kekhilafan di pihak HMS yang bijaksana dalam menjatuhkan hukuman yang terlalu ringan atau tidak mencukupi ke atas responden dan juga kekhilafan mengguna pakai prinsip penghukuman yang betul, mahkamah ini boleh mencampuri atau mengganggu hukuman yang telah dijatuhkan oleh HMS yang bijaksana (lihat perenggan 49–50 & 52).

[English summary

This is an appeal of the public prosecutor ('the appellant') against the judgment of the sessions court judge of Kuala Kubu Bharu, Selangor ('SCJ') on 26 February 2018 for an offense under the s 394 of the Penal Code against the respondent. On 13 July 2017 at about 8.50pm when Simon Lee Chin Soon ('complainant') was in the pottery shop Kim Teng Trading Sdn Bhd di No 6 Jalan Pedoman, Jalan 25/88, Seksyen 25, Shah Alam together with two Bangladesh workers named Shaheen Sheikh and Uzzal Khan, had come towards the complainant two Malay men holding a weapon like a steel pipe and another Malay man ('OKT') had seized smartphones and wallets and punched Shaheen Sheikh. The complainant screamed for help and helped his employee. During the fight, the complainant was beaten repeatedly with the steel pipe and the two Malay men escaped. A man named Mohd Adam Sangaran bin Govindasamy was closing his workshop had heard the noise and screams of asking for help and hurried to the scene with his two friends to help. After OKT was arrested, Mohd Adam called 999 for assistance and OKT was handed over to the police. The respondent had pleaded guilty to the amended charge and was sentenced to three years imprisonment from the date of arrest and four whipping. The appellant appealed to the sentence only.

Held, allowing the appeal; setting aside the lower court's sentence; and replacing with a six year jail sentence and five whipping:

(1) The learned SCJ had erred and did not give sufficient consideration to the public interest aspect when sentencing the respondent. The learned SCJ had also erred in applying the judgment principle as due diligence was not given to the aspect of public interest. The learned SCJ did not adequately consider the evidence indicating injury to the victim and the victim's employee who has been submitted by the appellant during a sessions court proceeding. In addition, the learned SCJ did not adequately consider the evidence of the victim through the victim's impact statement under s 183A of the Criminal Procedure Code during sessions court proceeding (see paras 21, 23 & 25–26).

(2) The sentence imposed by the learned SCJ was too lenient or inadequate and did not take into account the facts and circumstances in this case.

The sentence imposed by the learned SCJ also did not take into account the principle of preventive punishment against the offenses committed by the respondent and also did not reflect the firmness of the court in combating the crime of robbery and warn the public of the severe penalties imposed by the court on the offender (see paras 33 & 36).

(3) When sentencing the respondent, the learned SCJ was too concerned with the respondent's plea of guilty and did not consider the public interest sufficiently. Respondent's plea of guilty could be considered by the learned SCJ, subject to other relevant facts and circumstances that existed in this case. The respondent did not have any strong defence against the amended charge made before him. Respondent's defence was limited to confession only. As a result, the respondent's plea of guilty was not a mitigation factor that could alleviate the punishment imposed on him (see paras 39–40 & 43).

(4) Public interest requires a preventive punishment imposed by the learned SCJ, especially, the offense committed by the respondent was a serious offense and the steel pipe had been used as a weapon and caused injuries to the victim and the victim's employee during the robbery. When the time of imprisonment which was not too long had been sentenced by the learned SCJ, the respondent will meet again with his friend and repeat his criminal act (see paras 45–46).

(5) The learned SCJ had erred in giving a lenient sentence or manifestly inadequate for the wrong that had been done by the respondent. Preventive punishment, in favour of the public interest, should be sentenced by the learned SCJ to the respondent in this case. Since there was errancy on the part of the learned SCJ in giving too lenient sentence or inadequate to the respondent and also errancy in applying the right judgment principle, this court may interfere or disturb the sentence imposed by the learned SCJ (see paras 49–50 & 52).]

Nota-nota

Untuk kes mengenai rayuan terhadap hukuman, lihat 4(1) *Mallal's Digest* (5th Ed, 2018 Reissue) perenggan 102–110.

Kes-kes yang dirujuk

Bachik bin Abdul Rahman v PP [2004] 2 MLJ 534, MR (dirujuk)
Bhandulananda Jayatilake v PP [1982] 1 MLJ 83, MP (dirujuk)
Dato' Seri Anwar bin Ibrahim v PP [2002] 3 MLJ 193, MP (dirujuk)
Fan Yew Teng v PP [1975] 2 MLJ 235, MP (dirujuk)
Mohd Irwan Shah bin Zainaul lwn Pendakwa Raya [2017] 11 MLJ 415, MT (dirujuk)
Pendakwa Raya lwn Mariyani binti Umar [2018] MLJU 222; [2018] 1 LNS 208, MT (dirujuk)

A *Pendakwa Raya lwn Mohamad bin Tawakal* [2013] 1 MLJ 759; [2012] 7 CLJ 372, MR (dirujuk)
Pendakwa Raya lwn Murad Halimuddin Hassan dan lain-lain dan satu lagi kes [2016] MLJU 1896; [2016] 1 LNS 554, MT (dirujuk)
Pendakwa Raya lwn Nor Izzati bt Zulkifli [2017] 9 MLJ 582, MT (dirujuk)
B *Pendakwa Raya lwn Yahaya bin Selaman* [2006] 2 MLJ 475, MT (dirujuk)
PP v Dato' Waad bin Mansor [2005] 2 MLJ 101, MP (dirujuk)
PP v Govindnan a/l Chinden Nair [1998] 2 MLJ 181, MT (dirujuk)
PP v Jafa bin Daud [1981] 1 MLJ 315 (dirujuk)
PP v Lee Seng Seh [1966] 1 MLJ 266 (dirujuk)
C *PP v Leo Say & Ors* [1985] MLJU 2; [1985] CLJ Rep 683, MT (dirujuk)
PP v Loo Choon Fatt [1976] 2 MLJ 256 (dirujuk)
PP v Mohamed Nor & Ors [1985] 2 MLJ 200b, MA (dirujuk)
PP v Ravindran & Ors [1993] 1 MLJ 45, MT (dirujuk)
PP v Teh Ah Cheng [1976] 2 MLJ 186 (dirujuk)
D *R v Sargeant* (1974) 60 Cr App Rep 74 (dirujuk)
Usman bin Jumasan v PP [2016] MLJU 1362; [2016] 1 LNS 1457, MR (dirujuk)
Yusmarin bin Samsudin v PP [1999] 4 MLJ 625, MR (dirujuk)
Zainuddin bin Nahrawi lwn Pendakwa Raya (No Q-09(S)-105–04 Tahun
E 2013) (tidak dilaporkan) (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Kanun Keseksaan ss 52B, 394
Kanun Tatacara Jenayah s 183A

F

Mohd Raimi bin Mohd Ramli (Timbalan Pendakwa Raya, Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor) bagi pihak perayu.
Mohd Adha bin Ismail mewakili diri sendiri bagi pihak responden.

G **Meor Hashimi PK:**

LATAR BELAKANG KES

[1] Ini adalah rayuan pendakwa raya sebagai pihak perayu terhadap
H keputusan hakim mahkamah sesyen, Kuala Kubu Bharu, Selangor ('HMS') yang bijaksana pada 26 Februari 2018 bagi suatu kesalahan di bawah s 394 Kanun Keseksaan terhadap responden.

[2] Responden telah mengaku bersalah bagi pertuduhan pindaan yang
I dihadapkan ke atasnya dan telah dijatuhkan hukuman penjara tiga tahun dari tarikh tangkap (13 Julai 2017) dan empat sebatan.

[3] Pihak perayu yang terkilan dengan keputusan HMS yang bijaksana, telah merayu kepada mahkamah ini terhadap hukuman sahaja.

PERTUDUHAN PINDAAN TERHADAP RESPONDEN

[4] Pertuduhan pindaan (P1) yang dikemukakan terhadap responden adalah seperti berikut:

> Bahawa kamu bersama-sama dua lagi yang masih bebas, pada 13/7/2017 jam 8.50 malam bertempat di Kim Teng Trading Sdn Bhd di No. 6 Jalan Pedoman, Jalan 25/88, Seksyen 25, Shah Alam di dalam daerah Petaling di dalam Negeri Selangor telah melakukan rompak dan dengan sengaja menyebabkan kecederaan kepada Simon Lee Chin Soon No. KPT: 850910105911 dan dengan itu kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 394 Kanun Keseksaan.
>
> Hukuman: Penjara boleh sampai dua puluh tahun dan bolehlah juga dikenakan denda atau sebat.

FAKTA RINGKAS KES

[5] Fakta kes (P2) yang telah diperakui oleh responden adalah seperti berikut:

(a) pengadu bernama Simon Lee Chin Soon nombor kad pengenalan 850910–10–5911 telah membuat satu laporan polis sebagaimana Sri Muda 15881/17;

(b) menurut pengadu pada 13 Julai 2017 jam lebih kurang 8.50 malam ketika pengadu di dalam kedai tembikar Kim Teng Trading Sdn Bhd di No 6 Jalan Pedoman, Jalan 25/88, Seksyen 25, Shah Alam bersama-sama dua orang pekerja Bangladesh bernama Shaheen Sheikh dan Uzzal Khan, telah datang ke arah pengadu dua orang lelaki Melayu dengan memegang senjata seperti batang paip besi dan seorang lagi lelaki Melayu telah merampas smartphone serta dompet dan menumbuk pekerja pengadu bernama Shaheen Sheikh;

(c) melihat keadaan itu, pengadu berasa takut dan telah menjerit sekuat hati meminta pertolongan;

(d) pengadu keluar dari kaunter tempat dia berdiri hendak membantu pekerjanya dan telah berlaku pergelutan. Semasa pergelutan tersebut, pengadu telah dipukul berulang kali dengan batang paip besi. Semasa pergelutan dua lelaki Melayu telah berjaya melarikan diri;

(e) ketika itu terdapat seorang lelaki bernama Mohd Adam Sangaran bin Govindasamy sedang menutup kedai workshop miliknya telah terdengar bunyi bising dan jeritan meminta pertolongan. Mohd Adam terus bergegas ke tempat kejadian bersama dua orang rakannya untuk membantu;

(f) apabila sampai di tempat kejadian, Mohd Adam telah nampak seorang lelaki Cina sedang bergelut dengan seorang lelaki Melayu. Lelaki Cina ('pengadu') telah menjerit rompak. Mohd Adam telah dengan cepat membantu pengadu untuk menangkap lelaki Melayu tersebut;

(g) apabila lelaki Melayu ('OKT') telah berjaya ditangkap, mereka telah mengikat OKT dengan menggunakan tali nylon. Mohd Adam telah menelefon 999 untuk mendapatkan bantuan. Beberapa minit kemudian, pihak polis telah sampai dan pengadu telah menyerahkan OKT kepada pihak polis;

(h) semasa tangkapan diserahkan kepada pihak polis, didapati butiran OKT adalah seperti berikut:

MOHD ADHA BIN ISMAIL NO KP: 870713-49-5365

(i) satu laporan polis sebagaimana Sri Muda 15890/17 telah dibuat oleh anggota polis;

(j) pengadu bersama dua orang pekerjanya telah mendapatkan rawatan di Hospital Shah Alam;

(k) kecederaan yang dialami oleh pengadu adalah cedera di kepala dan menerima jahitan di dahi, luka-luka dan lebam di bahagian tangan serta perut;

(l) manakala dua orang pekerja pengadu turut mengalami kecederaan di bahagian kepala, mulut dan tangan; dan

(m) sesi kawad cam juga telah dijalankan terhadap OKT dan saksi pengadu dan Mohd Adam camkan OKT adalah lelaki yang telah datang bersama-sama dua lagi lelaki yang telah berjaya melarikan diri dan telah melakukan rompak dan dengan sengaja menyebabkan kecederaan kepada Simon Lee Chin Soon.

HUJAHAN PIHAK PERAYU

[6] Dalam mencabar hukuman yang dijatuhkan oleh HMS yang bijaksana terhadap responden, pihak perayu secara ringkasnya telah menghujahkan bahawa hukuman yang dijatuhkan oleh HMS yang bijaksana adalah terlalu ringan atau tidak mencukupi. Dalam kejadian rompakan tersebut, perbuatan responden bersama dua lagi rakannya, yang bersenjatakan batang paip besi, telah menyebabkan kecederaan kepada mangsa/pengadu dan juga pekerja mangsa.

[7] HMS yang bijaksana juga tidak memberi keutamaan dan mengambil kira secukupnya aspek kepentingan awam di mana hukuman tiga tahun penjara dan empat sebatan yang dijatuhkan oleh HMS yang bijaksana tidak

mencerminkan kesalahan serius yang dilakukan oleh responden. Oleh itu, hukuman yang setimpal dengan kesalahan serius tersebut perlu dijatuhkan oleh HMS yang bijaksana.

[8] Pihak perayu telah mengemukakan keputusan kes *Zainuddin bin Nahrawi lwn Pendakwa Raya* (No Q-09(S)-105–04 Tahun 2013) (tidak dilaporkan) untuk menyokong hujahan pihak perayu mengenai hukuman yang setimpal di mana hukuman tujuh tahun penjara dan lima sebatan bagi kesalahan di bawah s 394 Kanun Keseksaan telah dikekalkan dan disahkan oleh Mahkamah Rayuan.

HUJAHAN PIHAK RESPONDEN

[9] Responden yang tidak diwakili peguam dan berhujah sendiri memohon supaya hukuman yang dijatuhkan oleh HMS yang bijaksana dikekalkan dan rayuan pihak perayu terhadap hukuman ditolak. Responden telah menggunapakai alasan-alasan mitigasi rayuan yang dikemukakan semasa prosiding di mahkamah sesyen. Antara alasan yang dikemukakan ialah responden telah membuat pengakuan bersalah bagi pertuduhan pindaan yang dihadapkan ke atasnya dan ini telah menjimatkan masa dan kos semua pihak yang berkenaan.

[10] Di mahkamah ini, responden juga menyatakan beliau seorang yatim piatu dan mempunyai seorang kakak yang menghidap penyakit asma yang kronik dan memerlukannya berulang-alik ke hospital untuk menerima rawatan perubatan.

[11] Responden juga menyatakan bahawa beliau tidak tahu kawannya, Rudy hendak membuat rompakan dan apabila nampak Rudy bergelut di tempat kejadian, responden turun daripada motosikal berniat hendak menolong Rudy.

[12] Responden juga menyatakan ini adalah kali pertama beliau terlibat dalam kesalahan merompak dan sebenarnya beliau tidak berniat untuk merompak dan sebaliknya mendakwa bahawa kawannya yang hendak melakukan rompakan tersebut.

PENILAIAN DAN DAPATAN MAHKAMAH INI

Budi bicara hakim bicara menjatuhkan hukuman

[13] Prinsip penghukuman yang diguna pakai oleh mahkamah yang mendengar rayuan terhadap hukuman yang dijatuhkan oleh mahkamah bawahan adalah mantap. Bidang kuasa menjatuhkan hukuman terletak pada

budi bicara hakim bicara yang membicarakan suatu kes tersebut. Namun, mahkamah yang mendengar rayuan tersebut boleh mengubah atau mengganggu hukuman yang dijatuhkan oleh hakim bicara sekiranya dapat ditunjukkan bahawa hukuman tersebut adalah terlalu ringan/tidak mencukupi atau terlalu berat berbanding dengan kesalahan yang dilakukan, hukuman tersebut tidak sah atau hakim bicara telah menggunapakai prinsip penghukuman yang salah semasa menjatuhkan hukuman.

[14] Prinsip yang disebutkan di atas telah disentuh oleh Mahkamah Persekutuan dalam kes *Dato' Seri Anwar bin Ibrahim v Public Prosecutor* [2002] 3 MLJ 193 di ms 228 dan dinyatakan seperti berikut:

> It is of the utmost importance to stress here that the appellate court will not normally alter the sentence unless it is satisfied that the sentence passed by the lower court is manifestly inadequate or excessive or illegal or otherwise not a proper sentence having regard to all the facts disclosed or that the court has clearly erred in applying correct principles in the assessment of sentence.

[15] Prinsip yang sama juga telah dijelaskan dalam kes *Bhandulananda Jayatilake v Public Prosecutor* [1982] 1 MLJ 83 di mana Mahkamah Persekutuan di ms 84 telah menyatakan seperti berikut:

> Is the sentence harsh and manifestly excessive? We would paraphrase it in this way. As this is an appeal against the exercise by the learned judge of a discretion vested in him, is the sentence so far outside the normal discretionary limits as to enable this court to say that its imposition must have involved an error of law of some description? I have had occasion to say elsewhere, that the very concept of judicial discretion involves the right to choose between more than one possible course of action upon which there is room for reasonable people to hold differing opinions as to which is to be preferred. That is quite inevitable. Human nature being what it is, different judges applying the same principles at the same time in the same country to similar facts may sometimes reach different conclusions (see *Jamieson v Jamieson*). It is for that reason for some very conscientious judges have thought it their duty to visit particular crimes with exemplary sentences; whilst others equally conscientious have thought it their duty to view the same crimes with leniency. Therefore sentences do vary in apparently similar circumstances with the habit of mind of the particular judge. It is for that reason also that this court has said it again and again that it will not normally interfere with sentences, and the possibility or even the probability, that another court would have imposed a different sentence is not sufficient, per se, to warrant this court's interference.
>
> For a discretionary judgment of this kind to be reversed by this court, it must be shown to our satisfaction that the learned judge was embarking on some unauthorised or extraneous or irrelevant exercise of discretion. We are far from convinced that any criticism of the learned judge is warranted. He took the course he did, in outweighing the plea of mitigation in favour of the public interest with a desire to uphold the dignity and authority of the law as administered in this country. We agree. That must receive the greatest weight. It is a serious offence to give false

testimony, for it is in the public interest that the search for truth should, in general and always, be unfettered. The courts are the guardian of the public interest.

[16] Mengenai prinsip yang sama, Mahkamah Agong dalam kes *Public Prosecutor v Mohamed Nor & Ors* [1985] 2 MLJ 200b di ms 202 juga telah memutuskan seperti berikut:

The question now remains whether we should disturb the sentence in the instant case. In this regard we would observe that it is the established principle that an appellate court should be slow to interfere or disturb with a sentence passed by the court below unless it is manifestly wrong in the sense of being illegal or of being unsuitable to the proved facts and circumstances. And the mere fact that another court might pass a different sentence provides no reason for the appellate court to interfere if the court below applies the correct principles in the assessment of the sentence.

[17] Prinsip penghukuman yang telah dihuraikan di atas juga telah disentuh dalam kes *Public Prosecutor v Loo Choon Fatt* [1976] 2 MLJ 256 di mana Mahkamah Tinggi dalam keputusannya di ms 257 telah menyatakan seperti berikut:

The principles to be applied in imposing sentence however are the same in every case. The High Court sitting in exercise of its revisionary powers will not normally alter the sentence unless it is satisfied that the sentence of the lower court is either manifestly inadequate or grossly excessive or illegal or otherwise not a proper sentence having regard to all the facts disclosed on the record or to all the facts which the court ought to take judicial notice of, that is to say, that the lower court clearly has erred in applying the correct principles in the assessment of the sentence. It is a firmly established practice that the court will not alter a sentence merely because it might have passed a different sentence.

[18] Dalam kes *Public Prosecutor v Jafa bin Daud* [1981] 1 MLJ 315, Mahkamah Tinggi di ms 316 telah menjelaskan konsep hukuman yang dijatuhkan mengikut undang-undang dan menyatakan seperti berikut:

A 'sentence according to law' means that the sentence must not only be within the ambit of the punishable section, but it must also be assessed and passed in accordance with established judicial principles.

[19] Justeru, dalam menentukan hukuman yang berpadanan, setimpal dan saksama dengan kesalahan yang dilakukan oleh responden, mahkamah bicara perlu memberi pertimbangan yang sewajarnya kepada apa-apa faktor pemberat (*aggravating factors*) dan juga faktor peringanan (*mitigating factors*) yang dikemukakan oleh pihak perayu dan responden sebelum sesuatu hukuman tersebut dijatuhkan.

[20] Dalam kes *Yusmarin bin Samsudin v Public Prosecutor* [1999] 4 MLJ

625, Mahkamah Rayuan di ms 627 telah memutuskan seperti berikut:

> The principles of sentencing have long been entrenched and well settled in our criminal law jurisprudence and a court seized with such a jurisdiction is empowered to take into account the following considerations:
>
> (a) the extent and seriousness of the offence committed;
>
> (b) the guilty person's antecedents; and
>
> (c) the public interest factor.

KEPENTINGAN AWAM

[21] Dalam dapatan mahkamah ini, HMS yang bijaksana telah terkhilaf dan tidak memberi pertimbangan yang secukupnya kepada aspek kepentingan awam semasa menjatuhkan hukuman terhadap responden. Ini boleh dilihat dalam alasan penghakiman HMS yang bijaksana (rujuk ms 16–19 rekod rayuan Jld 1) di mana dinyatakan antara alasan-alasan yang menyokong hukuman tersebut ialah responden telah mengaku salah, responden masih boleh dipulihkan dan hukuman yang dijatuhkan adalah mengikut undang-undang.

[22] HMS yang bijaksana hanya menyentuh sepintas lalu aspek kepentingan awam di perenggan 16 ms 19 alasan penghakimannya dalam rekod rayuan Jld 1 dan menyatakan seperti berikut:

> Hukuman yang dijatuhkan oleh mahkamah adalah tidak terlalu ringan dan mahkamah turut mengambilkira faktor kepentingan awam di dalam menjatuhkan hukuman di mana tertuduh telah dijatuhkan hukuman pemenjaraan dan turut juga dikenakan sebatan.

[23] Dalam dapatan mahkamah ini, HMS yang bijaksana telah terkhilaf dalam mengguna pakai prinsip penghukuman kerana tidak memberi keutamaan yang sewajarnya kepada aspek kepentingan awam. Ini dapat dilihat dalam hukuman yang terlalu ringan yang telah dijatuhkan HMS yang bijaksana, yang tidak mengambil kira fakta dan keadaan dalam kes ini.

[24] Responden yang pada mulanya telah diwakili oleh peguambela semasa prosiding di mahkamah sesyen dalam rayuan mitigasi hukuman telah mengakui bahawa beliau terlibat di dalam kejadian rompakan kerana terpengaruh dengan rakan beliau dan semasa berlaku pergelutan di tempat kejadian telah menyebabkan kecederaan kepada mangsa dan pekerja mangsa.

[25] Dalam dapatan mahkamah ini, HMS yang bijaksana tidak memberi pertimbangan yang secukupnya kepada keterangan yang menunjukkan kecederaan kepada mangsa dan pekerja mangsa yang telah dikemukakan oleh

pihak perayu semasa prosiding di mahkamah sesyen (rujuk report polis mangsa (P3), laporan perubatan mangsa (P5) dan juga gambar-gambar kecederaan mangsa dan pekerjanya (P6 A–Q) rekod rayuan).

[26] Adalah didapati juga HMS yang bijaksana tidak memberi pertimbangan yang secukupnya kepada keterangan mangsa melalui 'victim's impact statement' di bawah s 183A Kanun Tatacara Jenayah semasa prosiding di mahkamah sesyen. Antara lain, mangsa telah menyatakan semasa kejadian, beliau mengalami kecederaan di bahagian kepala dan bahu dan tangannya terseliuh. Walaupun mangsa menyatakan beliau tidak mengalami apa-apa trauma, namun kesalahan yang dilakukan oleh responden adalah serius, malahan telah menyebabkan kecederaan kepada mangsa dan pekerja mangsa.

[27] Dalam dapatan mahkamah ini, HMS yang bijaksana telah terkhilaf dan tidak mematuhi prinsip penghukuman yang telah diputuskan dalam kes *Public Prosecutor v Loo Choon Fatt* di mana Mahkamah Tinggi di ms 257–258 telah menyatakan seperti berikut:

> One of the main considerations is the assessment of sentence is of course the question of public interest. On this point I need only quote a passage from the judgment of Hilbery J in *Rex v Kenneth John Ball* as follows:
>
> > In deciding the appropriate sentence a court should always be guided by certain considerations. The first and foremost is the public interest. The criminal law is publicly enforced, not only with the object of punishing crime, but also in the hope of preventing it. A proper sentence, passed in public, serves the public interest in two ways. It may deter others who might be tempted to try crime as seeming to offer easy money on the supposition, that if the offender is caught and brought to justice, the punishment will be negligible. Such a sentence may also deter the particular criminal from committing a crime again, or induce him to turn from a criminal to an honest life. The public interest is indeed served, and best served, if the offender is induced to turn from criminal ways to honest living. Our law does not, therefore, fix the sentence for a particular crime, but fixes a maximum sentence and leaves it to the court to decide what is, within that maximum, the appropriate sentence for each criminal in the particular circumstances of each case. Not only in regard to each crime, but in regard to each criminal, the court has the right and duty to decide whether to be lenient or severe.
>
> Presidents and Magistrates are often inclined quite naturally to be over-sympathetic to the accused. This is a normal psychological reaction to the situation in which the lonely accused is seen facing an array of witnesses with authority. The mitigation submitted by a convicted person will also normally bring up problems of family hardship and the other usual problems of living. In such a situation the courts might perhaps find it difficult to decide as to what sentence should be imposed so that the convicted person may not be further burdened with additional hardship. This in my view is a wrong approach. The correct approach is to strike a balance, as far as possible, between the interests of public and the interest of the accused.

Lord Goddard LCJ in *Rex v Grondkowski* offered some good advice when he said:

> The judge must consider the interests of justice as well as the interests of the prisoners. It is too often nowadays thought, or seems to be thought, that the interests of justice means only the interests of the prisoners.

[28] Dalam kes *Public Prosecutor v Dato' Waad bin Mansor* [2005] 2 MLJ 101, Mahkamah Persekutuan di ms 115–116 telah merujuk kepada kes *R v Sargeant* (1974) 60 Cr App Rep 74 dan menyatakan seperti berikut:

> Those classical principles are summed up in four words: retribution, deterrence, prevention and rehabilitation. Any judge who comes to sentence ought always to have those four classical principles in mind and to apply them to the facts of the case to see which of them has the greatest importance in the case with which he is dealing. I will start with retribution. The Old Testament concept of an eye for an eye and tooth for tooth no longer plays any part in our criminal law. There is, however, another aspect of retribution which is frequently overlooked: it is that society, through the courts, must show its abhorrence of particular types of crime, and the only way in which the courts can show this is by the sentence they pass. The courts do not have to reflect public opinion. On the other hand courts must not disregard it. Perhaps the main duty of the court is to lead public opinion.

[29] Aspek kepentingan awam juga telah disentuh dalam kes *Public Prosecutor v Teh Ah Cheng* [1976] 2 MLJ 186 di mana Mahkamah Tinggi di ms 187 telah memutuskan seperti berikut:

> In sentencing generally the public interest must necessarily be one of the prime considerations, and more particularly in offences involving the unlawful use or possession of firearms, the public interest should never be relegated to the background and must of necessity assume the foremost importance. Of the several concepts relevant to sentencing, it is my considered view that deterrence and prevention assume positions in the forefront in relation to offences of this nature. Lawton LJ in his delightful analysis of the classic principles of sentencing and general aspects of punishment in the English Court of Appeal in *Reg v JH Sargeant* observed (at p 77):

[30] Dalam kes *Bhandulananda Jayatilake v Public Prosecutor*, Mahkamah Persekutuan di ms 84 juga telah menyentuh isu yang sama dan telah menyatakan seperti berikut:

> For a discretionary judgment of this kind to be reversed by this court, it must be shown to our satisfaction that the learned judge was embarking on some unauthorised or extraneous or irrelevant exercise of discretion. We are far from convinced that any criticism of the learned judge is warranted. He took the course he did, in outweighing the plea of mitigation in favour of the public interest with a desire to uphold the dignity and authority of the law as administered in this country. We agree. That must receive the greatest weight. It is a serious offence to give false testimony, for it is in the public interest that the search for truth should, in general and always, be unfettered. The courts are the guardian of the public interest.

[31] Aspek kepentingan awam juga telah dibangkitkan dalam kes *Public Prosecutor v Lee Seng Seh* [1966] 1 MLJ 266 di mana Mahkamah Tinggi di ms 267 telah menyatakan seperti berikut:

> In the circumstances one would have expected the learned magistrate to give the most earnest attention to the interests, not only of the respondent, but also of the public. He had failed to consider the foremost consideration of them all, viz the element of public interest. It is too often nowdays thought, or seems to be thought, that the interest of the prisoner is the only consideration. Not enough consideration is given to the interest of the public.

[32] Begitu juga keputusan dalam kes *Fan Yew Teng v Public Prosecutor* [1975] 2 MLJ 235 di mana Mahkamah Persekutuan di ms 238 telah menyatakan seperti berikut:

> The last ground is that the sentence is excessive. In deciding appropriate sentence the first and foremost consideration is the public interest. The law does not fix the sentence for a particular offence but fixes a maximum sentence and leaves it to the trial court to decide what is, within that maximum, the appropriate sentence in the particular circumstances of each case. Therefore, before passing sentence the trial court hears evidence of antecedents and character of every convicted person.

KESALAHAN SERIUS YANG DILAKUKAN OLEH RESPONDEN

[33] Walaupun HMS yang bijaksana dalam alasan penghakimannya telah menyatakan bahawa jenayah yang dilakukan oleh responden adalah berat dan melibatkan kekerasan, namun begitu, hukuman yang dijatuhkan oleh HMS yang bijaksana adalah terlalu ringan/tidak mencukupi dan tidak mengambil kira fakta dan keadaan dalam kes ini.

[34] Dalam kes ini, tindakan responden dan dua rakannya yang berjaya melarikan diri, yang bersama-sama melakukan rompakan, telah menyebabkan kecederaan kepada mangsa dan pekerja mangsa. Malahan, telah diakui oleh responden bahawa batang paip besi telah digunakan sebagai senjata semasa melakukan rompakan.

[35] Hukuman maksima yang diperuntukkan bagi kesalahan di bawah s 394 Kanun Keseksaan ialah penjara selama tempoh yang boleh sampai 20 tahun dan boleh juga dikenakan denda atau sebatan. Menurut s 52B Kanun Keseksaan, apa-apa kesalahan yang dikenakan hukuman penjara sepuluh tahun adalah dianggap sebagai suatu kesalahan serius.

[36] Dalam dapatan mahkamah ini, hukuman yang dijatuhkan oleh HMS yang bijaksana tidak mengambil kira prinsip hukuman yang bersifat pencegahan terhadap kesalahan yang dilakukan oleh responden dan juga tidak mencerminkan ketegasan mahkamah dalam membanteras jenayah rompakan

dan memberikan amaran yang keras kepada masyarakat mengenai hukuman berat yang bakal dikenakan oleh mahkamah kepada pesalah (rujuk kes-kes seperti *Pendakwa Raya lwn Nor Izzati bt Zulkifli* [2017] 9 MLJ 582, *Mohd Irwan Shah bin Zainaul lwn Pendakwa Raya* [2017] 11 MLJ 415, *Pendakwa Raya lwn Murad Halimuddin Hassan dan lain-lain dan satu lagi kes* [2016] MLJU 1896; [2016] 1 LNS 554 dan *Usman bin Jumasan v Public Prosecutor* [2016] MLJU 1362; [2016] 1 LNS 1457).

PENGAKUAN SALAH RESPONDEN

[37] Daripada rekod prosiding di mahkamah sesyen, didapati bahawa responden tidak mengaku bersalah pada awalnya iaitu semasa sebutan kes pada 19 Julai 2017, 24 Ogos 2017, 2 Oktober 2017, 8 November 2017 dan 14 Disember 2017 tetapi hanya mengaku bersalah pada 26 Februari 2018.

[38] Malahan semasa sebutan kes pada 19 Julai 2017, responden yang tidak mengaku bersalah telah meminta kes dibicarakan dan selanjutnya semasa sebutan kes pada 24 Ogos 2017 telah memaklumkan mahkamah bahawa beliau telah melantik peguambela untuk mewakilinya.

[39] Dalam dapatan mahkamah ini, semasa menjatuhkan hukuman terhadap responden, HMS yang bijaksana terlalu menitikberatkan pengakuan bersalah responden dan tidak menimbangkan dengan secukupnya aspek kepentingan awam. Kepentingan responden telah diutamakan oleh HMS yang bijaksana daripada kepentingan awam.

[40] Dalam dapatan mahkamah ini, pengakuan bersalah responden, pada lazimnya, boleh dipertimbangkan oleh HMS yang bijaksana, tertakluk kepada lain-lain fakta dan keadaan yang relevan yang wujud dalam kes ini. Sekiranya pengakuan bersalah responden adalah akibat responden tidak mempunyai apa-apa pembelaan, pengakuan bersalah responden tidak boleh dijadikan faktor mitigasi yang boleh meringankan hukuman. Pengakuan bersalah responden akan memihak kepada responden hanya sekiranya semua fakta dan keadaan mengenai kesalahan yang dilakukan responden membenarkan mahkamah berbuat sedemikian.

[41] Mengenai pemakaian prinsip tersebut, dalam kes *Public Prosecutor v Govindnan a/l Chinden Nair* [1998] 2 MLJ 181, Mahkamah Tinggi di ms 192 telah menyatakan seperti berikut:

> In my opinion, a guilty plea ought to be considered in favour of the accused only when all other factors and circumstances surrounding the commission of the offence justify such a consideration. Its application in favour of the accused depends on the circumstances of each case (see *Wong Kai Chuen Philip v Public Prosecutor* [1991] 1 MLJ 321). In *Public Prosecutor v Low Kok Wai* [1988] 3 MLJ 123,

Mohamed Dzaiddin (as he then was) said at p 124:

... In the present case, the only mitigating factor is the accused's plea of guilty. It is a principle of sentencing that whenever possible the court should take into account as a mitigating factor the fact that the accused had pleaded guilty. The extent to which a plea of guilt is a mitigating factor must depend on the facts of each case, and it cannot be a powerful mitigating factor when effectively no defence to the charge was available to the accused (see Archbold (42*nd* Ed) para 4-480 citing *R v Davis* (1980) 2 CrApp R (s) 168).

The severity of the offence committed may outweigh the mitigating effect of a guilty plea (see *Lee Say & Ors v PP* [1985] 2 CLJ 155; *Loh Hock Seng v PP* [1980] 2 MLJ 13; *PP v Oo Leng Swee & Ors* [1981] 1 MLJ 247). Where public interest demands a deterrent sentence in the circumstances of a particular case, then the effect of such a plea must also give way. In this regard, I refer to *R v Costen* (1989) II Cr App R (S) 182 where Lord Lane said at p 184:

> But there are certain exceptions, likewise well authenticated in the authorities, to that general rule that discount will be allowed for a plea of guilty. The first and most important exception is the protection of the public. Where it is necessary that a long sentence, if necessary the maximum sentence, should be passed in order to protect the public, in those circumstances, a plea of guilty may not result in any discount.

Thus, there can be no automatic rule that a guilty plea on its own entitles an accused to a lesser punishment. It is my view that the learned magistrate, in imposing the sentence, had placed undue emphasis on the guilty plea of the accused. His opinion that a lenient sentence must be imposed following a guilty plea is clearly wrong in law. It overlooks the fact that the plea must be considered in the light of the other circumstances of the case.

[42] Daripada fakta kes yang telah diperakui oleh responden, beliau telah ditangkap di tempat kejadian semasa melakukan rompakan. Responden mengakui batang paip besi digunakan sebagai senjata dan menyebabkan kecederaan kepada mangsa dan pekerja mangsa. Manakala dua rakannya dapat melarikan diri. Dalam menimbangkan pengakuan bersalah responden sebagai faktor mitigasi, mahkamah perlu melihat sama ada responden mempunyai apa-apa pembelaan yang kukuh terhadap pertuduhan pindaan yang dihadapkan ke atasnya.

[43] Berdasarkan fakta kes yang responden ditangkap di tempat kejadian semasa melakukan rompakan, dalam dapatan mahkamah ini, responden tidak mempunyai apa-apa pembelaan yang kukuh kepada pertuduhan pindaan yang dihadapkan ke atasnya. Pembelaan responden adalah terhad kepada pengakuan bersalahnya sahaja. Natijahnya, mahkamah ini berpendapat bahawa pengakuan bersalah responden tidak merupakan faktor mitigasi yang boleh meringankan hukuman yang dijatuhkan ke atasnya (rujuk juga kepada kes-kes seperti *Public Prosecutor v Ravindran & Ors* [1993] 1 MLJ 45, *Public Prosecutor v Leo Say & Ors* [1985] MLJU 2; [1985] CLJ Rep 683, *Bachik bin*

Abdul Rahman v Public Prosecutor [2004] 2 MLJ 534, *Pendakwa Raya lwn Yahaya bin Selaman* [2006] 2 MLJ 475, *Pendakwa Raya lwn Nor Izzati bt Zulkifli* [2017] 9 MLJ 582, *Mohd Irwan Shah bin Zainaul lwn Pendakwa Raya* [2017] 11 MLJ 415 dan *Pendakwa Raya lwn Mariyani binti Umar* [2018] MLJU 222; [2018] 1 LNS 208).

PEMULIHAN RESPONDEN

[44] HMS yang bijaksana juga telah mengutamakan kepentingan responden dengan menjatuhkan hukuman pemenjaraan yang tidak terlalu lama (tiga tahun) atas alasan responden dapat melalui proses pemulihan (*reform*) yang sewajarnya.

[45] Dalam dapatan mahkamah ini, kepentingan awam memerlukan hukuman yang berbentuk pencegahan dijatuhkan oleh HMS yang bijaksana, lebih-lebih lagi, kesalahan yang dilakukan oleh responden ialah kesalahan yang serius dan batang paip besi telah digunakan sebagai senjata dan menyebabkan kecederaan kepada mangsa dan pekerja mangsa semasa berlaku rompakan.

[46] Responden juga telah melakukan rompakan bersama dua rakannya yang berjaya melarikan diri. Dalam dapatan mahkamah ini, apabila tempoh pemenjaraan yang tidak terlalu lama dijatuhkan oleh HMS yang bijaksana, responden akan berjumpa kembali dengan rakannya dan mengulangi perbuatan jenayahnya. Hukuman pemenjaraan yang tidak terlalu lama sukar untuk mengubah sikap responden untuk kembali ke pangkal jalan. Hakikatnya, responden tidak akan insaf kerana tidak dapat menjalani proses pemulihan yang secukupnya.

[47] Mahkamah Rayuan dalam kes *Pendakwa Raya lwn Mohamad bin Tawakal* [2013] 1 MLJ 759 di ms 765; [2012] 7 CLJ 372 di ms 381 telah memutuskan seperti berikut:

> Di dalam kes ini mahkamah perlu seimbangkan ciri 'deterrence' dengan ciri 'rehabilitation' di dalam mengenakan hukuman yang setimpal dan berpatutan — 'to strike a right balance between the two'. Sesuatu hukuman yang berciri 'deterrence' bukan sahaja menghalang OKT daripada mengulangi kesalahannya di masa akan datang, tetapi juga perlu menghalang orang lain daripada melakukan kesalahan yang sama; manakala hukuman yang berciri 'rehabilitation' bertujuan untuk memulihkan OKT menjadi orang yang baik dan dapat diterima oleh masyarakat selepas menjalani hukuman berkenaan.

[48] Mahkamah Rayuan dalam kes yang sama di ms 766 (MLJ); ms 382 (CLJ) selanjutnya telah memutuskan seperti berikut:

> Hukuman yang setimpal dalam fakta kes ini ialah suatu tempoh penjara yang agak panjang supaya pihak penjara dapat 'rehabilitate' OKT secukupnya. Orang seperti

OKT perlu dipisahkan daripada masyarakat bagi tempoh yang mencukupi untuk proses 'rehabilitation', setelah mengambil kira semua kepentingan yang telah dinyatakan di atas.

KESIMPULAN

[49] Berdasarkan alasan-alasan yang telah dinyatakan di atas, HMS yang bijaksana telah terkhilaf dalam menjatuhkan hukuman yang terlalu ringan/tidak mencukupi (*manifestly inadequate*) bagi kesalahan yang telah dilakukan oleh responden.

[50] Hukuman yang dijatuhkan oleh HMS yang bijaksana adalah tidak setimpal dan tidak berpadanan dengan kesalahan serius yang telah diakui dilakukan oleh responden. Dalam dapatan mahkamah ini, hukuman yang berbentuk pencegahan, dengan mengutamakan kepentingan awam, hendaklah dijatuhkan oleh HMS yang bijaksana terhadap responden dalam kes ini.

[51] Adalah juga diakui oleh responden bahawa batang paip besi telah digunakan sebagai senjata semasa melakukan rompakan. Malahan mangsa dan pekerja mangsa telah mengalami kecederaan semasa berlaku rompakan. Rompakan juga telah dilakukan oleh responden secara berkumpulan bersama dengan dua rakannya yang berjaya melarikan diri.

[52] Dalam dapatan mahkamah ini, memandangkan berlakunya kekhilafan di pihak HMS yang bijaksana dalam menjatuhkan hukuman yang terlalu ringan/tidak mencukupi ke atas responden dan juga kekhilafan menggunapakai prinsip penghukuman yang betul, mahkamah ini boleh mencampuri atau mengganggu hukuman yang telah dijatuhkan oleh HMS yang bijaksana.

[53] Justeru, dalam hemat mahkamah ini, hukuman yang mencukupi, setimpal dan berpadanan dengan kesalahan yang dilakukan oleh responden hendaklah dijatuhkan oleh mahkamah ini, mengambil kira fakta dan keadaan yang wujud dalam kes ini.

[54] Natijahnya, rayuan pihak perayu adalah dibenarkan dan hukuman yang dijatuhkan oleh HMS yang bijaksana diketepikan dan digantikan dengan hukuman penjara enam tahun dari tarikh tangkap dan lima sebatan.

Rayuan dibenarkan; hukuman mahkamah rendah diketepikan; dan digantikan dengan hukuman penjara enam tahun dan lima sebatan.

Dilaporkan oleh Nabilah Syahida Abdullah Salleh